



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TINGKAT 13, GAYA CENTRE
JALAN TUN FUAD STEPHENS
BEG BERKUNCI NO. 2073
88999 KOTA KINABALU
SABAH

TELEFON: 088-260735
(260741/2/3/4 - Samb. 16)
TELEFAKS: 088-260731

PEJABAT PENDAFTAR

Ruj. Kami: UMS/PN 2.1/P5/2
Tarikh: 15 Februari 1997

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/97

Dekan Sekolah Sains dan Teknologi
Dekan Sekolah Sains Sosial
Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat
Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
Dekan Pusat Ko-kurikulum Kesenian
Ketua Unit Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan
Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo
Pengarah Pusat Matrikulasi

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**GARIS PANDUAN BAGI PERLANTIKAN PENSYARAH/
PROFESOR MADYA/PROFESOR KONTRAK**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan mengenai perkara di atas.


Bersama-sama ini disertakan sesalinan garis panduan berkenaan untuk makluman dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan.

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dengan hormatnya diminta mengambil perhatian terhadap garis panduan ini, seperti yang telah dipersetujui oleh **Persidangan Naib Canselor Kali Ke-XXXII** pada 26 September 1996.

Sekian, terima kasih.

'BERTEKAD CEMERLANG'

Yang benar
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


HELA LADIN MOHD. DAHALAN
Pendaftar
b.p. Naib Canselor

:mk

s.k.: - YBhg. Dato' Naib Canselor
- YBhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Bendahari

msword/mar39-gpanduan



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 15 Februari 1997

Bilangan 1/1997

Ruj: UMS/PN2.1/P5/2

GARIS PANDUAN BAGI PERLANTIKAN PENSYARAH/ PROFESOR MADYA/ PROFESOR KONTRAK

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan mengenai perlantikan Pensyarah/ Profesor Madya/ Profesor Kontrak Institusi pendidikan tinggi (IPT) awam telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan setelah dibincang dan dipersetujui oleh **Persidangan Naib Canselor kali ke XXXII pada 26 September 1996.**
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menarik perhatian IPT kepada beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian sewajarnya semasa menimbangkan perlantikan Pensyarah/ Profesor madya/ Profesor kontrak.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Pengambilan tenaga pengajar yang telah bersara untuk berkhidmat semula sebagai pensyarah kontrak dibuat oleh IPT-IPT awam sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar. Pengambilan ini adalah dibuat berdasarkan "Panduan Penyelenggaraan Urusan Perlantikan Secara Kontrak" yang dikeluarkan oleh JPA pada tahun 1985.

- 2.2.** Para 3.1 panduan tersebut telah menggariskan beberapa tujuan dan sebab yang membolehkan pengambilan pensyarah kontrak. Di antaranya ialah perlantikan tersebut dilakukan bertujuan untuk mengatasi kekurangan tenaga pakar/mahir dalam sesuatu bidang tertentu. Perlantikan tersebut juga dibuat untuk melaksanakan sesuatu projek jangka pendek.
- 2.3.** Para (5) panduan tersebut juga menggariskan beberapa prinsip am yang perlu dipatuhi. Di antaranya, universiti hendaklah memastikan bahawa ianya telah gagal untuk mendapatkan calon-calon yang layak dan sesuai mengikut syarat-syarat sk'm perkhidmatan jawatan berkenaan. Hal ini boleh disahkan dengan mengemukakan salinan-salinan iklan yang pernah disiarkan dan laporan ringkas mengenai sambutan terhadap iklan-iklan tersebut. Ini bermakna perlantikan seseorang pensyarah/profesor itu tidaklah boleh dibuat secara automatik melainkan setelah gagal untuk mendapatkan tenaga pengajar dalam sesuatu bidang itu melalui proses pengiklanan biasa.
- 2.4.** Seterusnya para 5(5.1)(b) pula mensyaratkan bahawa calon-calon yang hendak dipertimbangkan perlu mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan bagi sesuatu jawatan itu serta diakui berpengalaman dan berkebolehan menjalankan tugas-tugas jawatan yang disandang. Sebagai contoh, sekiranya sesebuah universiti itu memerlukan seseorang profesor dalam bidang perancang Bandar, ia tidak sepatutnya melanjutkan khidmat seorang profesor dalam bidang fizik untuk bertugas sebagai profesor perancang Bandar kontrak.
- 2.5.** Para (5.5) pula menjelaskan bahawa calon-calon lantikan secara kontrak tidak boleh mengisi jawatan-jawatan naik pangkat. Sebagai insentif mereka boleh dipertimbangkan bayaran gaji yang bersesuaian. Ini bermakna seseorang pensyarah biasa tidak boleh dilantik semula secara kontrak untuk memegang jawatan Profesor Madya/Profesor.
- 2.6.** Selain daripada petikan syarat-syarat penting di atas, panduan tersebut juga menggariskan secara terperinci syarat-syarat dan kriteria-kriteria lain yang perlu diikuti oleh pihak universiti dalam proses pengambilan Pensyarah/Profesor/Kontrak.
- 2.7.** Pada umumnya, pengambilan Pensyarah/Profesor Madya/ Profesor Kontrak adalah teratur dan dapat sedikit sebanyak mengatasi masalah kekosongan yang dihadapi oleh pihak universiti yang rata-rata didapati di sekitar 15% hingga 17%. Namun demikian, terdapat juga keadaan yang mana perlantikan tenaga pengajar kontrak tidak menepati kriteria- kriteria yang ditetapkan dan sekaligus menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran di universiti. Oleh yang demikian, garis panduan ini menyatakan beberapa syarat yang perlu dipertimbangkan bagi memastikan tenaga pengajar yang diambil dapat member khidmat yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak universiti.
- 2.8.** Berdasarkan ketetapan ini universiti hendaklah memastikan bahawa pengambilan pensyarah/Profesor kontrak hanyalah bertujuan untuk menampung ketiadaan tenaga pengajar dalam sesuatu bidang tertentu. Pengambilannya tidak boleh dibuat sewenang-

wenangnya tanpa mengambil kira keperluan kritikal sesuatu bidang itu. Sebagai contoh, universiti tidak perlu mengambil tenaga pengajar dalam bidang sains social memandangkan bidang ini tidak kritikal dan kerap kali universiti mempunyai tenaga pengajar yang berlebihan dalam bidang ini.

- 2.9. Pengambilan tenaga pengajar kontrak juga adalah untuk tempoh jangka pendek dengan tugas yang spesifik bagi melaksanakan sesuatu projek. Sekiranya tugas yang ditetapkan ini sudah disempurnakan, tidaklah perlu tempoh khidmat seseorang pensyarah kontrak itu dilanjutkan lagi.

3. GARIS PANDUAN

- 3.1. Pengambilan tenaga pengajar yang berkualiti amat penting bagi memastikan universiti mampu menyempurnakan tugas dan tanggungjawab teras utamanya (core business) dengan cemerlang. Oleh yang demikian, adalah perlulah pihak universiti memperkemas lagi pengambilan tenaga pengajar kontrak terutama di peringkat profesor yang melibatkan peralihan semula selepas bersara. Perubahan ini penting di saat-saat waktu universiti hampir memasuki alam pengkorporatan yang akan memberi penekanan kepada hasil prestasi seseorang individu itu.

- 3.2. Sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang digariskan oleh panduan yang dikeluarkan oleh JPA tersebut, pihak IPT adalah diminta mengambil kira syarat-syarat berikut:-

3.2.1 Prestasi Cemerlang

Seseorang calon yang hendak dipertimbangkan untuk dilantik sebagai tenaga pengajar secara kontrak ini perlu mempunyai rekod prestasi perkhidmatan yang amat memuaskan dan cemerlang dalam teras tugas utamanya iaitu pengajaran, penyelidikan dan penerbitan sekurang-kurangnya selama 3 tahun berturut-turut sebelum berpencen. Syarat ini penting memandangkan kemungkinan jawatan Profesor/Profesor Madya yang disandang sebelum ini telah dinikmati begitu lama sehingga terdapat kemerosotan prestasi. Oleh itu, syarat ini akan menjamin kualiti prestasi perkhidmatan yang berterusan.

3.2.2 Daya Kepimpinan Penyelidikan

Pengambilan pensyarah kontrak di peringkat Profesor/Profesor Madya perlu juga mengambil kira kehebatannya dalam bidang penyelidikan. Calon tersebut hendaklah terbukti dari segi

kemampuannya mempelopori program penyelidikan dengan kerjasama tenaga akademik yang lain. Dengan itu beliau hendaklah bertaraf 'lead scholar' dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh universiti.

3.2.3 Program Semasa Kontrak

Seseorang calon yang hendak dipertimbangkan untuk pengambilan secara kontrak perlu merancang dan merangka program aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan secara spesifik. Programnya itu perlu disediakan semasa mengemukakan permohonan dan seterusnya diperkemas secara rundingan dengan ketua jabatan yang terlibat. Di antara lain, programnya itu perlu mengandungi senarai aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan, tempoh terlibat, kumpulan sasaran dan jangkaan kesan/impak setiap aktiviti yang dirancang itu. Seterusnya, penilaian pencapaian pelaksanaan programnya itu hendaklah dibuat bagi memastikan ianya terlaksana serta memehuni petunjuk-petunjuk prestasi yang digariskan dari masa ke semasa.

3.2.4 Sokongan Kumpulan Sepakaran

Cadangan pengambilan setiap pensyarah kontrak itu hendaklah mendapat sokongan dari kumpulan Sepakaran yang dibentuk di peringkat Fakulti. Tujuannya ialah supaya mereka yang diambil untuk berkhidmat sebagai pensyarah kontrak adalah berwibawa dari segi tugas dan kerja yang dipertanggungjawabkan di samping boleh diterima dengan mudah oleh rakan-rakan sepakaran di fakulti seseorang itu akan ditugaskan.

3.2.5 Penubuhan Jawatankuasa Penilai

Sesebuah Jawatankuasa Penilai hendaklah ditubuhkan di peringkat universiti yang dipengerusikan oleh Naib Canselor atau Timbaian Naib Canselor (Akademik) sebagai wakil untuk menilai setiap permohonan untuk menjadi pensyarah kontrak, terutamanya bagi jawatan-jawatan utama di peringkat Profesor Madya dan Profesor. Tujuannya ialah untuk memastikan supaya setiap calon yang dipertimbangkan akan betul-betul menepati keperluan universiti, di samping selaras dengan garis panduan pengambilan yang disediakan.

4. PELAKSANAAN

- 4.1. Garis panduan ini hendaklah dilaksanakan dan diikuti oleh semua IPT awam.

5. PENUTUP

- 5.1. Adalah diharapkan dengan memperkemaskan syarat-syarat pengambilan tenaga pensyarah kontrak ini, universiti akan memperolehi tenaga pengajar, terutamanya di peringkat Profesor Madya dan Profesor yang berwibawa dan dapat menyumbang perkhidmatan yang cemerlang kepada universiti. Keperluan ini amat kritikal lebih-lebih lagi di saat universiti akan dikorporatkan.